



15 28
M A J E S T I C
JOHOR



Enjoy Every Minute With Majestic Johor

*Hakcipta/Copyright page: Permohonan makluman ini dibuat oleh penerbit apabila maklumat pencetak telah disahkan.

Edisi Pertama 2021 | *First Publisher 2021*

© Tourism Johor

2, Jalan Air Molek, Bandar Johor Bahru, 80000 Johor Bahru, Johor

Hak cipta terpelihara. Tiada dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan foto dalam apa bentuk sebelum mendapat izin penerbit.

All right reserved. No part of this book, either text, illustration or photos, may be used or reproduced in any form without prior written permission from publisher

Sumber gambar dari | *Image Source from*

Tourism Johor

2, Jalan Air Molek, Bandar Johor Bahru, 80000 Johor Bahru, Johor

Dicetak di | Printed in
Malaysia

ISBN :




JETI TANJUNG BALAU

Pemandangan Matahari Tenggelam
Sunset View

ISI KANDUNGAN
TABLE OF CONTENT

Kata-kata Aluan Foreword	8-10		
Pengenalan Introduction	12-13		
01 Mercu Tanda <i>Landmark</i>	14-35		
02 Pantai & Pulau <i>Beach & Island</i>	36-67		
03 Ekopelancongan <i>Ecotourism</i>	68-95		
04 Agropelancongan <i>Agrotourism</i>	96-105		
05 Warisan dan Kebudayaan <i>Cultural Heritage</i>	106-123		
		06 Makanan <i>Food</i>	124-137
		07 Aktiviti dan Rekreasi <i>Recreational Activities</i>	140-141
		08 Pusat Beli-belah <i>Shopping Centre</i>	150-153
		09 Ringkasan <i>Summary</i>	154
		10 Aplikasi AR <i>AR Application</i>	155



BANGSA
JOHOR

KATA ALU-ALUAN

Foreword

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera dan Salam Makmur Johor

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat saya menyampaikan sepatah dua kata dalam Coffee Table Book Majestic Johor ini.

Dengan kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tourism Johor kerana berjaya menerbitkan buku ini yang merangkumi senario industri pelancongan Johor secara menyeluruh, termasuk memperkenalkan destinasi serta produk pelancongan yang baharu dan sedia ada.

Sebagaimana yang semua sedia maklum, kepelbagaian daya tarikan pelancongan seperti keindahan alam semula jadi, pulau dan pantai, taman tema keluarga, agropelancongan, sejarah dan warisan, kesenian dan budaya, keunikan makanan, sports tourism serta pusat beli-belah memberikan kelebihan kepada Negeri Johor untuk menarik kedatangan para pelancong dari dalam dan luar negara.

Seiring kempen Majestic Johor, saya yakin dan percaya dengan penerbitan buku ini dapat memberikan manfaat serta informasi serta gambaran yang tepat, terutamanya berkaitan industri pelancongan termasuk produk-produk pelancongan di negeri ini.

Alhamdulillah, and thank Allah SWT for the grace and blessing that I can present a few wise words for "Coffee Table Book – Enjoy Every Minute with Majestic Johor".

I would like to take this opportunity to congratulate Tourism Johor for their success in the publication of this book that covers Johor's tourism industry scenarios as a whole, this includes showcasing the tourist destinations and products available.

As we are all aware, the variety of tourist attractions such as breathtaking nature, islands and beaches, family entertainment, agro-tourism, history and heritage, art and culture, unique foods and also shopping centers which gives leading advantages in attracting local and international tourists to visit Johor.

Along with the Majestic Johor campaign, I confidently believe this book publication will provide benefits, in formations and accurate depictions of Johor's tourism industry and its many products.

Thank you.

Akar keladi melilit selasih,

Selasih tumbuh di hujung taman.

Kalungan budi junjungan kasih,

Mesra kenangan sepanjang zaman.



YAB DATO' HAJI HASNI BIN MOHAMMAD

MENTERI BESAR JOHOR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Makmur Johor.

Syukur Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran Allah SWT kerana dengan berkat kurniaNya dapat kita menyempurnakan penerbitan "Coffee Table Book – Enjoy Every Minute with Majestic Johor".

Setinggi-tinggi ucapan penghargaan saya kepada YAB Menteri Besar Johor, Dato' Haji Hasni Bin Mohammad atas usaha dan keprihatinan yang tidak berbelah bahagi kepada sektor pelancongan negeri Johor sepanjang pandemik Covid-19 melanda negara kita ini.

Tahniah juga saya ingin sampaikan kepada Tuan Haji Suhairi Bin Hashim dan seluruh warga Tourism Johor atas usaha menjayakan penerbitan ini. Semoga usaha ini akan menjadi asbab kepada proses pemulihan sektor pelancongan negeri ini.

"Coffee Table Book – Enjoy Every Minute with Majestic Johor" ini diterbitkan dengan objektif menjadi sumber panduan utama dalam usaha menonjolkan pelbagai produk-produk pelancongan yang berkonsepkan alam semula jadi, makanan warisan Johor dan juga hiburan keluarga. Tambahan pula dengan slogan "Majestic Johor" bertujuan untuk menarik pelancong bukan hanya domestik bahkan juga antarabangsa untuk datang melancong ke Johor sebagai destinasi pilihan mereka.

Sekian, terima kasih.

Alhamdulillah and thank Allah SWT for the grace and blessing that we are able to publish this "Coffee Table Book – Enjoy Every Minute with Majestic Johor".

I would like to extend my gratitude to YAB Menteri Besar Johor, Dato' Haji Hasni Bin Mohammad for his efforts and concern towards Johor's tourism industry during the Covid-19 pandemic.

I would also like to congratulate Tuan Haji Suhairi Bin Hashim and all of Tourism Johor's staff for their efforts in this publication. We hope with these efforts Johor's tourism industry can start to recover.

The main objective of this publication is to be the guiding source for the effort to showcase the variety of tourism products with concepts such as nature, foods, heritage and family entertainment. The slogan "Majestic Johor" was created with sole purpose to attract not only domestic but also international tourist to come over to Johor as one of their favourite destination.

Thank you.



YB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

**PENGERUSI JAWATANKUASA PELANCONGAN
BELIA DAN SUKAN NEGERI JOHOR**



HAJI SUHAIRI BIN HAJI HASHIM

Pengarah Tourism Johor / Director Of Tourism Johor

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera,

"Coffee Table Book – Enjoy Every Minute With Majestic Johor" merakamkan detik-detik indah dan destinasi pelancongan yang menarik di negeri Johor.

Ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat memberi sumbangan idea dan usaha dalam menjayakan Coffee Table Book ini. Gambar-gambar yang dipaparkan merupakan simpanan atau koleksi Tourism Johor sendiri. Buku ini adalah untuk tatapan dan menjadi kebanggaan Bangsa Johor.

"Coffee Table Book – Enjoy Every Minute With Majestic Johor" captured beautiful moments and interesting tourist destinations in the state of Johor.

Thank you to all involved in the efforts and ideas of publishing this Coffee Table Book. Displayed pictures in the book are the collections of Tourism Johor itself. These beautiful moments are captured to be enjoyed and will be the pride of Johor citizen.

Yok Round Johor!

MASJID KOTA ISKANDAR



PENGENALAN

جوهر

JOHOR

Asal usul perkataan Johor diambil daripada perkataan Arab Jauhar' yang bermaksud 'Permata Berharga'. Johor juga dikenali sebagai Hujung Tanah atau 'Gangganu' oleh orang Siam yang bermaksud 'Batu Permata'. Berdasarkan catatan sejarah, jelas menunjukkan bahawa negeri Johor mempunyai sejarah latar belakang yang masyhur sebagai pusat perdagangan antarabangsa sejak sekian lama. Kini, Negeri Johor yang terletak di selatan Semenanjung Malaysia merupakan pintu masuk utama ke Malaysia melalui Singapura. Kedudukan yang strategik, dikelilingi kawasan perairan Laut China Selatan di timur, Selat Tebrau di selatan serta Selat Melaka di bahagian barat menjadikan Johor lokasi pelancongan terbaik di Malaysia.

Sarat dengan elemen-elemen menarik untuk dilawati dan kedudukan yang strategik memberikan nilai tambah kepada pelancong untuk menikmati keunikan yang ada di negeri ini, sesuai dengan gelarannya, Permata Selatan. Keindahan pulau, pantai, dan gunung, disulami keaslian dan keenakan sajian tempatan, menjanjikan pengalaman percutian terbaik. Selain itu, kepelbagaian budaya dan warisan serta kemegahan bangunan dan monumen bersejarah yang ada di Permata Selatan ini sememangnya mampu memberikan nostalgia terindah buat setiap pengunjung.

Rujukan:

Buku Rasmi Tahunan Malaysia 2014 diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia.



INTRODUCTION

جوهر

JOHOR

The origin of the word Johor is taken from the Arabic word 'Jauhar' which means 'Precious Gem'. Johor is also known as Hujung Tanah or 'Gangganu' by the Siamese which means 'Gemstone'. Based on historical records, it is clear that the state of Johor has a famous background as an international trade center for a long time. Today, the state of Johor which located in the south of Peninsular Malaysia is the main gateway to Malaysia through Singapore. Its strategic location, surrounded by the waters of the South China Sea in the east, the Tebrau Strait in the south and the Straits of Melaka in the west makes Johor the best tourist location in Malaysia.

Loaded with interesting elements to visit and its strategic location provides added value to tourists to enjoy the uniqueness of the state, in line with its title, the Jewel of the South. The beauty of the islands, beaches, and mountains, embroidered with the authenticity and delicacy of local cuisine, promises the best holiday experience. Apart from that, the diversity of culture and heritage as well as the splendor of the historical buildings and monuments in Permata Selatan is indeed able to provide the most beautiful nostalgia for every visitor.

References:

Buku Rasmi Tahunan Malaysia 2014 published by Jabatan Penerangan Malaysia.



LANDMARK

مرچوندا

01 | MERCU TANDA

Keunikan seni bina Johor dapat dilihat melalui mercu tanda di setiap daerah. Bagi menjunjung kasih Kebawah Duli Sultan Johor yang memayungi rakyat jelata, replika mahkota dibangunkan sebagai tanda ikonik di beberapa lokasi negeri Johor. Monumen bersejarah lain yang ada di serata daerah memberi peluang kepada pengunjung untuk menghayati sejarah dan semangat perjuangan bangsa.

Paling mengagumkan adalah binaan masjid-masjid tersergam indah, walaupun sudah berkurun lama dibina, namun tetap utuh berdiri. Kecemerlangan pemerintahan Johor juga dapat dilihat melalui kepesatan pembangunan Kota Iskandar, sebuah Pusat Pentadbiran Negeri Johor. Menariknya, bangunan-bangunan di Kota Iskandar ini dibina menghadap kiblat. Selain itu, Stadium Sultan Ibrahim pula diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai stadium bola yang lengkap dengan infrastruktur moden.

Oleh kerana sektor pelancongan merupakan salah satu penyumbang utama kepada kemajuan ekonomi negeri Johor, maka lokasi-lokasi mercu tanda ini sudah tentu menjadi tarikan utama pengunjung dari dalam mahupun luar negeri.

The uniqueness in Johor's architecture can be seen in its many iconic landmarks throughout the district. To uphold the love of His Majesty the Sultan of Johor who reign over his people, several replicas of the royal crown was developed and displayed as an iconic sign all over Johor. The historical monuments around the district gives visitors a glimpse of Johor's patriotic spirits.

Some of the most remarkable construction in Johor are its mosques which in still stands elegantly firm till this day throughout the centuries. The excellence of Johor government can be seen in its rapid development growth such as Kota Iskandar which is one of Johor's State Administrative Centre and this buildings was also strategically constructed to face the Qibla (referring to the direction of Ka'bah). Furthermore, the development and design of Sultan Ibrahim Stadium also in that area was internationally acknowledged as one of the greatest modern infrastructures in its field.

Johor's tourism sector has become one of the major contributors for its economic rise which makes these prominent landmarks in this state as the main attractions for both local and international visitors



BANGUNAN SULTAN IBRAHIM

MASJID SULTAN ABU BAKAR



Masjid Negeri Sultan Abu Bakar ialah masjid negeri Johor yang terletak di Johor Bahru, Johor. Masjid ini telah dibuka secara rasmi oleh Sultan Ibrahim ibni Sultan Abu Bakar pada 1900.

Sultan Abu Bakar State Mosque is a Johor state mosque located in Johor Bahru, Johor. The mosque was officially opened by Sultan Ibrahim ibni Sultan Abu Bakar in 1900.



MASJID SULTAN ISKANDAR
BANDAR DATO ONN

Skyscape
MENARA JLAND



**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN
KOTA ISKANDAR, JOHOR**
*GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTER
KOTA ISKANDAR, JOHOR*



STADIUM SULTAN IBRAHIM





JAMBATAN *Sungai Johor*



Sungai Johor merupakan satu nama besar yang tercatat sejarah kegemilangan Kerajaan Johor.

Sungai Johor is a big name that is recorded in the glorious history of Johor.



**Jambatan Sultan Ismail
Sultan Ismail Bridge**

Ia merupakan jambatan pertama dibina merentasi sungai yang menghubungkan Bandar Maharani, Muar ke Tanjung Agas yang kini dinamakan sebagai sebahagian daripada daerah Tangkak.

It was the first bridge built across a river that connects Bandar Maharani, Muar to Tanjung Agas which is now named as part of Tangkak district.



**MASJID JAMEK
SULTAN IBRAHIM
MUAR**

Masjid Jamek Muar yang pertama telah siap dibina pada tahun 1887.

The first Muar Jamek Mosque was completed in 1887.





Suasana Masjid Jamek Sultan Ibrahim
Atmosphere of Sultan Ibrahim Mosque



DATARAN
Tanjung Emas

TUGU DATARAN,
BATU PAHAT





LAMAN DIRAJA
PONTIAN

Pemandangan bandar Mersing dari Masjid Jamek Mersing
View of Mersing city from Masjid Jamek Mersing



MASJID JAMEK MERSING

TANGKAK



Pekan ini digelar 'Pekan Fabrik' atau 'Syurga Kain' kerana mempunyai banyak kedai kain yang menjual pelbagai fabrik yang cantik. Ia juga terkenal sebagai pintu masuk utama ke Gunung Ledang (atau Gunung Ophir), gunung tertinggi di Johor.

The town is nicknamed as 'Fabric Town' or 'Syurga Kain' in honour of its many textile shops. It is also well known as being a major entry point to Mount Ophir (or Gunung Ledang), the highest mountain in Johor.



02

ڦنتاي دان قولاو
BEACH & ISLAND

PANTAI & PULAU

Pulau di Johor adalah pulau yang terbaik untuk mencari ketenangan dan menikmati keindahan alam semula jadi.

Bagi pelancong yang mendambakan kedamaian dan ketenangan, pantai dan pulau di Johor adalah pilihan terbaik. Keindahan terumbu karang, keputihan pasir bersih dan kejernihan air di sekitar pantai dan pulau menghidangkan pelancong dengan panorama laut biru yang saujana mata memandang. Percutian ini akan menjadi sebuah eksplorasi alam yang tidak mungkin dilupakan. Kepulauan Mersing atau lebih dikenali sebagai 'Maldives of Malaysia' yang kaya dengan hidupan marin pastinya akan memberikan pengalaman berbeza buat penggemar aktiviti snorkeling dan menyelam skuba terutamanya di Pulau Rawa, Pulau Tinggi ataupun Pulau Besar. Udara yang segar, dasar laut yang dipenuhi dengan batu karang, rumpai laut serta pelbagai hidupan laut yang berwarna-warni, bakal memukau pandangan pengunjung tatkala menjejakkan kaki di sini.

The island in Johor is the best island to find tranquility and enjoy the beauty of nature.

For tourists who crave for peace and quietness, the beaches and islands of Johor are the best choice. The beauty of the coral reefs, the whiteness of the clean sand and the crystal clarity of the water around the beach and the island serve tourists with a panoramic view of the blue sea that can be seen by the naked eyes. It will be a vacation of an unforgettable nature exploration. The Mersing Islands or better known as the 'Maldives of Malaysia' is rich in marine life and it will definitely provide a different experience for snorkelling and scuba diving enthusiasts, especially in Pulau Rawa, Pulau Tinggi or Pulau Besar. Breathing in the fresh air and looking at the seabed full with breath-taking corals as well as diverse marine life will make tourists wonder whether they are in the real world or in a dream.

PULAU MENTIGI, MERSING





PANORAMA

PULAU AUR, MERSING

Pulau Rawa





Alang Resort, Pulau Rawa



Alang Resort, Pulau Rawa



Pulau Tinggi



PULAU



BESAR

Pulau Sibul, Mersing



**PULAU SIBU,
MERSING**





Pulau Mentigi




Pulau Hujung

KEPULAUAN
ARCHIPELAGO OF **JOHOR**



Pulau Harimau



**PULAU TENGAH,
MERSING**



Pulau Aur, Mersing

**PULAU PEMANGGIL,
MERSING**




**Taman Laut
Sultan Iskandar**



Terumbu karang lembut yang dipenuhi hidupan marin
A soft coraal reefs teeming marine life

Pantai Desaru *B e a c h*



Lotus Desaru Beach Resort & Spa




Anantara Desaru Coast Resort



Hard Rock Hotel Desaru Coast



Pulau
Mawar



Mersing Geopark ini menyimpan rekod sejarah perkembangan bumi.

Mersing Geopark holds an important historical record of the development of the earth.




Panorama *Milky Way* di Pulau Mawar, Mersing



Indah matahari terbit di Tanjung Balau.

A beautiful sunrise at Tanjung Balau



Jeti lama Pantai Sungai Rambah
Pontian Johor.

*Old jetty at Beach Sungai Rambah
Pontian Johor.*



Pemandangan matahari terbenam
Pantai Pulau Mawar, Mersing Johor

*The view of sunset
Pantai Pulau Mawar, Johor.*

pelancongan

TAMAN NEGARA JOHOR ENDAU - ROMPIN (PETA)

Negeri Johor sememangnya sinonim dengan ekopelancongan. Kewujudan lima taman negara, iaitu Taman Negara Johor Endau-Rompin Peta, Taman Negara Johor Endau-Rompin Selai, Taman Negara Johor Gunung Ledang, Taman Negara Johor Pulau Kukup dan Taman Negara Johor Tanjung Piai menjanjikan percutian terbaik untuk pencinta alam semula jadi. Kelima-lima taman negara ini mempunyai keunikan tersendiri sama ada daripada aspek keluasan hutan hujan semula jadi, keindahan jeram dan sungai, mahupun hutan paya bakau terbesar di dunia.

The existence of five national parks, namely Endau Rompin National Park, Selai National Park, Gunung Ledang National Park, Pulau Kukup National Park and Tanjung Piai National Park promises the best vacation for nature lovers. Furthermore, these five national parks have their own uniqueness either in terms of the size of natural rainforests or the beauty of rapids and rivers, as well as the largest mangrove swamp forest in the world which are all in Johor. The state of Johor is synonymous with ecotourism.



Kuala Jasin-Taman Negara Johor Endau Rompin (PETA)



**KUALA
JASIN**
TAMAN NEGARA JOHOR
ENDAU-ROMPIN (PETA)



IKAN KELAH
MAHSEER FISH
KUALA MARONG



**TAMAN
HUTAN LEGENDA
GUNUNG LEDANG**

Pemandangan dari puncak Gunung Ledang
View from the top of Mount Ophir



PEMANDANGAN MATAHARI NAIK
GUNUNG LEDANG
SUNRISE VIEW




PEMANDANGAN WAKTU SIANG
GUNUNG LEDANG
DAY VIEW



PEMANDANGAN MATAHARI TERBENAM
GUNUNG LEDANG
SUNSET VIEW

PENDAKIAN MELALUI
TAMAN BONZAI


*CLIMBING THROUGH
BONZAI GARDEN*



Air Terjun Puteri, Gunung Ledang



EMPANGAN
GUNUNG LEDANG
DAM



Air Terjun
GUNUNG LEDANG
Waterfall



Takah Tinggi, Taman Negara Johor Endau-Rompin (Selai)



TAMAN NEGARA JOHOR
ENDAU ROMPIN (SELAI)



Pemandangan dari puncak Gunung Arong
View from the top of Mount Arong



Air Terjun Gunung Pulai, Kulai
Gunung Pulai Waterfall, Kulai



Air Terjun Pelepah Kiri, Kota Tinggi
Pelepah Kiri Waterfall, Kota Tinggi

Tanjung Piai





TANJUNG PIAI PONTIAN, JOHOR

Penghujung Selatan Tanah Besar Asia
The Southernmost Tip Of Mainland Asia





TANJUNG PIAI

PONTIAN, JOHOR




MENARA PEMERHATI TAMAN NEGARA JOHOR PULAU KUKUP

Salah satu pulau paya bakau terbesar di dunia
One of the largest mangrove islands in the world



Pemandangan pokok bakau dari menara pemerhati
View of mangrove trees from the observation tower



اگروقلنجوئن
AGROTOURISM

04 AGROPELANCONGAN

SAWAH RING



Sebagai sebuah negeri yang aktif membangunkan sektor pertanian, sambutan terhadap percutian berkonsepkan agropelancongan amat menggalakkan di Johor. Beberapa daerah di negeri Johor kini menjadi tumpuan pelancong kerana para pengusaha agropelancongan ini menawarkan pelbagai aktiviti dan pakej percutian berkaitan pertanian, perladangan dan penternakan.

Tidak sekadar terkenal dengan tanaman getah dan kelapa sawit, Johor juga popular dengan ladang nanas di Pontian. Selain itu, Pontian turut menjadi hub perikanan dan pengunjung dapat melihat sendiri nelayan memungkah ikan. Di Muar dan Tangkak pula, pengunjung dapat menikmati suasana damai berada di sawah padi. Bagi peminat buah-buahan tempatan, amat berbaloi sekiranya berkunjung ke Segamat yang juga digelar, Tanah Raja Buah-Buahan.

Perkembangan agropelancongan di Johor bukan sahaja memberi manfaat kepada pengusaha agropelancongan, tetapi para pelancong turut berpeluang menimba ilmu dan pengalaman.

As a state that is active in agriculture sector, holiday trips with agro-tourism concept are currently booming within Johor tourism industry. Several districts in Johor are now become the center of agro-tourism due to the efforts of its establishments that offers a variety of agriculture packages which includes plantation, farming and raising of livestock .

Not only it is known for its palm oil and rubber plantation industry, Johor is also quite famous for its pineapple in Pontian. This district is also currently Johor's largest fishing hub and visitors can drop by and buy some of the most fresh seafood around. While in Muar and Tangkak, visitors can enjoy a lovely view of the paddy field. Also for fruit lovers be sure to drop by Segamat and enjoy the taste of the King of Fruits (Durian).

The fast growing eco-tourism industry not only benefits its establishment but also provides its visitors with a wide range of knowledge.







Ternakan kerbau liar di Kampung Lukut, Kota Tinggi.
Wild Buffalo Farm in Kampung Lukut, Kota Tinggi.



Ternakan ikan sangkar di selat Johor
Fish cage farm in Straits of Johor

Warisan & Kebudayaan

Rakyat di negeri Johor terdiri daripada pelbagai kaum yang mengamalkan budaya dan adat resam yang tersendiri. Kebudayaan di Johor berasimilasi dengan pelbagai budaya dan etnik luar terutamanya budaya orang Arab. Pengaruh kebudayaan Arab diterapkan ke dalam instrumen muzik seperti gambus dan persembahan kebudayaan seperti zapin dan ghazal. Pengaruh-pengaruh budaya Jawa dan Bugis pula boleh ditemui dalam tarian kuda kepong dan barongan yang diperkenalkan ke Johor sebelum awal abad ke-20 oleh kaum Bugis dan Jawa. Keasyikan alunan irama ghazal Johor dan kelincihan penari zapin dengan langkah tarian yang mempersona pasti memukau setiap pengunjung yang berpeluang menyaksikan persembahan kebudayaan ini. Jika inginkan kelainan, pengunjung boleh menonton perarakan Perayaan Chingay yang diadakan setiap tahun di Kuil Cina Lama Johor Bahru yang menyatukan lima etnik Cina.

The culture in Johor is assimilated from various foreign cultures and ethnicities especially from the Arab culture. The influence of Arab culture is apparent, particularly in musical instruments such as gambus and performing arts such as zapin, masri and hamdolik. The charm of Johor ghazal lyrical rhythms and the enchanting zapin dancers will surely amaze those who has the opportunity to witness this cultural performance during their visit to Johor. The traditional authentic melody of gambus along with its art heritage will captivated those who witness it. However, if visitors wish to experience something different, visitors can also have a visit during Chingay Festival parade (This festival unites the five Chinese ethnic in Johor) which is held annually at the Johor Bahru Old Chinese Temple.





TARIAN ZAPIN



Keistimewaan budaya dan warisan negeri Johor juga boleh dilihat pada jenis pakaian dan fabrik seperti baju melayu teluk belanga, kain songket dan tenun.

Johor culture heritage are also represented by its traditional clothing such as Baju Melayu Teluk Belanga for men and Baju Kurung Riau for women.

Permainan tradisional rakyat Johor seperti permainan sepak raga, permainan gasing dan layang-layang masih kekal popular dan relevan sehingga ke hari ini.

Johor's traditional games such as sepak raga, spinning top and flying kites still remains relevant till this day.





KUDA KEPANG PARIT BUGIS MUAR

Latihan Tarian Kuda Kepang
Kuda Kepang Dance Training



TARIAN BARONGAN



UKIRAN NAGA | DRAGON CARVING

Persiapan sambutan Tahun Baru Cina
Chinese New Year preparation



OPERA CINA | CHINESE OPERA


Persiapan pementasan Opera Cina
Chinese Opera show preparation



Tarian Naga di Johor Bahru
Dragon Dance in Johor Bahru



**TEMPLE
GLASS**



**ARULMIGU SRI RAJAKALIAMMAN
GLASS TEMPLE**
Keunikan Kuil Kaca Johor
The Uniqueness of Johor Glass Temple



PUTUO VILLAGE



Perkampungan cina yang lama dan unik ini sememangnya menjadi salah satu destinasi pelancongan yang popular di Kulai.

This old and unique Chinese village is one of the popular tourist destinations in Kulai.




Proses pembuatan bot besar yang terletak di Jalan Masjid, Endau Mersing Johor.

The process of making large boats located at Jalan Masjid, Endau Mersing Johor.



Proses membuat tembikar tanah liat seramik
Process making ceramics clay pottery

06 MAKANAN



JOHOR TRADITIONAL FOOD

MAKANAN WARISAN JOHOR

Bagi pemburu makanan pula, Johor menyajikan pelbagai menu makanan tradisi yang lazat dan memenuhi cita rasa rakyat Malaysia dan pelancong dari luar negara. Masakan dan hidangan di Johor kebanyakannya dipengaruhi dari masakan Arab dan Jawa. Pengaruh masakan Jawa banyak menyumbang kepada masakan Johor, contohnya seperti nasi ambeng, lontong dan ungkep.

Johor has a various selection of traditional dishes for food hunters all over the world. Majority of the dishes in Johor are influenced by the Arab and Java culture. The Java influence in Johor food that can be seen today are nasi ambeng, lontong and ungkep.



LAKSA JOHOR

Laksa Johor yang menggunakan spaghetti sebagai bahan utama, dilimpahi kuah pekat yang dimasak menggunakan isi ikan parang, santan pekat dan kerisik, dihidang pula bersama ulam-ulaman dan sambal belacan, pasti memikat selera sesiapa yang merasainya. Nasi beriani gam, mi bandung, soto, kacang pool, telur pindang, sate dan otak-otak merupakan antara menu unik dan lazat yang disajikan di negeri Johor. Keaslian rasa dan cara sajiannya pasti memukau dan memikat selera sesiapa yang berkunjung ke Johor.

Laksa Johor is a unique mix of spaghetti with laksa stew made from herring fish, coconut milk and kerisik. This sweet and sour savory dish is usually served with ulam-ulaman and sambal belacan. Other famous food in Johor are Nasi Beriani Gam, Mi bandung, soto, kacang pool, telur pindang, satay and otak-otak. All of these Johoran delicacies will surely make your visit worthwhile



NASI AMBENG



Nasi ambeng adalah nasi yang dihidangkan ketika majlis yasin ataupun tahlil. Hidangan ini biasanya disediakan di dalam dulang dan terdapat campuran lauk seperti serunding kelapa, mi, ikan kering dan sebagainya.

Nasi ambeng is a rice dish usually served during majlis yasin and tahlil (malay-muslim ritual). This dish is usually served in a large traditional tray to be eaten in a group, other side dishes include serunding kelapa, dried fish and more.

MEE REBUS



**MEE REBUS
TULANG**



MEE BANDUNG



SATE





ASAM PEDAS





LONTONG KUAH



LONTONG KERING



**ROTI
KACANG POOL**



**ROJAK
PETIS**



PUTU PIRING



**LEPAT
LOI**



**PUTU
BAMBU**

BURASAK



**TELUR
PINDANG**



**BRIYANI
GAM**



Aktiviti & rekreasi

اكتيويٲتي دان ريكرياسي
RECREATIONAL ACTIVITIES

07




Alami ketenangan sambil beriadah santai di Hutan Bandar, bertemankan panorama kehijauan. Juga rasai kemeriahan bermain layang-layang di Bukit Layang-Layang. Setiap tahun Festival Layang-layang akan diadakan di sini, sehingga menarik kehadiran ribuan pengunjung dari serata dunia. Pengunjung juga boleh menyusuri Sungai Muar menggunakan cruise sambil mencuci mata melihat pemandangan menakjubkan di sepanjang muara sungai.

Enjoy some leisure activity in its Hutan Bandar (urban park) while enjoying some of the best panoramic view. Visitors can even try to fly a kite or wau (traditional malay kite) at Bukit Layang-Layang. There is also an international kite festival conducted here annually. Visitors can also hop on a river cruise in Muar and enjoy the view that this district has to offer.

Xpark Sunway Iskandar



The Els Club Desaru



Forest City Golf Resort



HORIZON HILLS
GOLF AND COUNTRY CLUB

ADVENTURE WATERPARK DESARU COAST



Johor menyediakan destinasi terbaik untuk para pengunjung bergembira dan merehatkan minda, membuatkan mereka tidak puas berada di sini dan tentu akan berkunjung kembali.

Johor is an amazing destination for adventure seekers, with an endless list of activity for its guests.



**ADVENTURE WATERPARK
DESARU COAST**




Zoo Johor




Tunku Mahkota Ismail Youth Centre





MUAR RIVER CRUISE

LEGOLAND JOHOR



08 PUSAT BELI - BELAH

قوسٲ بلي بلة



Kemunculan gedung dan pusat beli belah yang begitu gah dibina di Johor menjadi salah satu penanda aras kepesatan pembangunan negeri ini. Pusat-pusat beli belah ternama seperti Aeon Mall Tebrau, IKEA, Paradigm Mall, Plaza Angsana dan Mid Valley Southkey di Johor Bahru pastinya menarik perhatian bukan sahaja dalam kalangan penduduk tempatan, tetapi juga pengunjung dari luar negara.

The construction of many new malls in Johor has become the staple of its fast development. Malls such as Aeon Mall Tebrau, IKEA, Paradigm Mall, Plaza Angsana and Mid Valley Southkey in Johor Bahru have attracted visitors from both local and international.

08 SHOPPING CENTRE

Bagi penggemar barangan berjenama mewah, Johor Premium Outlet (JPO) di Kulai adalah lokasi yang tepat untuk dikunjungi. Menawarkan pelbagai produk berlabel antarabangsa, JPO bakal membuatkan pengunjungnya rambang mata kerana harganya juga mampu milik.

For those who adores luxurious brands, Johor Premium Outlet (JPO) in Kulai is a must visit for you. The mall offers a various selection of international brands, JPO has it all for those who come here.



IKS AYER HITAM



Bagi peminat seni kraf, Arena Warna Ayer Hitam di Batu Pahat dan Kompleks Kraf Johor di Johor Bahru mempamer dan menjual hasil kraftangan yang cukup unik. Inisiatif ini menjadi pemacu dalam memartabatkan seni dan budaya tidak lapuk ditelan zaman.



For all the art lovers, Arena Warna Ayer Hitam in Batu Pahat and Kompleks Kraft Johor in Johor Bahru showcase and sells various local handicrafts from Johor. This initiative is the leading cause on why Johor heritage is so well preserved.





Alam semula jadi yang mendamaikan, taman laut yang sentiasa terpelihara, tempat bersejarah yang menggamit nostalgia, stadium bola sepak tercantik dan terancang, serta makanan tradisi yang enak tersaji, sentiasa menanti kehadiran pelancong sebagai tetamu. Segala-galanya ada di sini. Mana lagi, jika tidak di Johor, Permata Selatan yang sentiasa berbesar hati menanti kehadiran setiap pengunjung ke sini. Jom kenali Johor.

The peaceful nature, the ever preserved marine park, the nostalgic historical sites, the most beautiful and advanced football stadium, as well as the mouth-watering traditional cuisines that await for those who comes to visit. Everything is here. Where else, if not in Johor, the Southern Gem which patiently awaits your arrival. Let's get to know Johor.

*'Tanjung Puteri kota nan dulu,
Nusajaya pentadbiran sehenti;
Alam nan indah juadah dijamu,
Yok ke Johor kami menanti.'*



Cara Menggunakan Aplikasi AR Johor Tourism Interchange



- 1 Muat turun aplikasi di Google Playstore (Android) atau App Store (IOS).

Download the AR Tourism Johor application on Google Playstore (Android) AppsStore (IOS)

- 2 Pilih AR Scanner & halakan kamera telefon pintar pada halaman yang ikon AR. Tunggu hingga objek AR muncul.

Point the smartphone camera at the provided book or printed materials and wait until the AR object appeared in the display of your smartphones.

- 3 Anda boleh berinteraksi dengan video, galeri gambar, dan peta bagi setiap daerah. Gunakan fungsi screenshot atau screen record yang disediakan di paparan skrin.

You can interact with the videos, pictures galleries, and maps for each district in Johor by using the screenshot or screen record function provided on the screen display of the application.



09. Augmented Reality (AR)

Augmented reality (AR) dalam bahasa Melayu diterjemahkan sebagai realiti berperantara. Augmented Reality (AR) adalah sejenis kesan visual yang dihasilkan oleh telefon bimbit atau komputer di mana objek visual yang ada pada buku atau apa jua bahan bercetak akan menghasilkan pemandangan sebenar yang kelihatan di paparan skrin.

Hasilnya, pengguna dapat memandang dunia sebenar melalui skrin komputer atau telefon. Dan mereka akan mendapati seolah-olah visual tersebut wujud secara realiti.

Augmented reality is a type of visual effect that is produced by mobile phones or computers where the visual object on a book or in any printed material will produce real-life scenes that appears on the screen display.

As a result, users can see the real world through the computer display or mobile phones and they will find it as if the visuals exists in reality.



#kenalijohor
#yokroundjohor



Level 3-24, Johor Tourist Information Centre (JOTIC)
No.2, Jalan Ayer Molek, 80000 Johor Bahru, Johor.

Tel : 607-223 4935 / 607-224 9960 / 607-224 1435
Fax : 607 223 7554

Email : tourismjohor@johor.gov.my
Website : www.tourismjohor.my

Scan Me

